

# SEKITAR



EDISI 19 : 1 - 15 NOVEMBER 2016

## KREATIVITI DAN INOVASI DIJADIKAN BUDAYA KERJA DI SEKTOR AWAM



Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2016

ms5



Majlis Perasmian JPA4U Week 2016 @C1

ms4



Program NBOS JPA 1Pesara @Zon Selatan


ms3



Perhimpunan Bulanan JPA Bagi Bulan November 2016

ms2

## PERHIMPUNAN BULANAN JPA BAGI BULAN NOVEMBER 2016



**PUTRAJAYA, 10 NOVEMBER 2016** - Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik telah menganjurkan Perhimpunan Bulanan JPA bagi bulan November 2016 dengan tema 'Teknologi Hijau, JPA Bestari'. YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, telah turut merasmikan dan melawat JPA-ICT Enterprise Command Centre (ECC) pada majlis tersebut.

Selain merupakan Pusat Kawalan Utama BPMS, JPA, ECC merupakan pusat meja bantuan dan *Green Data Centre* (Pusat Data Hijau) kepada JPA. Pusat ini merupakan salah satu inisiatif berimpak tinggi Pelan Transformasi JPA dan menyokong Dasar Teknologi Hijau Negara.

Objektif pusat ini bertujuan untuk meningkatkan infrastruktur pemantauan serta operasi ICT JPA berteraskan teknologi terkini.

## HARI INOVASI DAN KECEMERLANGAN JABATAN PERDANA MENTERI 2016 (HIK 2016)



**PUTRAJAYA, 1 NOVEMBER 2016** - Hari Inovasi dan Kecemerlangan, Jabatan Perdana Menteri 2016 (HIK 2016) telah diadakan di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Program ini dianjurkan untuk memberi pengiktirafan kepada Jabatan/Agensi di bawah JPM yang telah mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang sama ada pengurusan, penghayatan inovasi, sosial serta sukan. Ia merupakan satu usaha untuk menyemarakkan pembudayaan inovasi dan kecemerlangan di kalangan warga Jabatan/Agensi di bawah JPM ke arah menjadikan Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai sebuah perkhidmatan awam yang disegani di persada antarabangsa selaras dengan tema HIK 2016 iaitu Unggul Melakar Inovasi.

Sebanyak tujuh anugerah dengan pelbagai kategori telah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Sri Hajah Nancy Haji Shukri iaitu Anugerah Inovasi JPM (AIJPM 2015), Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JPM, Anugerah Pengurusan JPM, Anugerah Pencapaian Sukan & Sosial JPM, Anugerah Perdana, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Pertandingan Mencipta Montaj HIK JPM 2016. YBhg. Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), telah mewakili JPA bagi menerima Anugerah Tempat Ketiga Anugerah Inovasi JPM 2015 (Kategori Produk Harapan) yang membawa pulang hadiah Wang Tunai RM1,000 serta Sijil Penghargaan.



## PROGRAM NBOS JPA 1PESARA @ ZON SELATAN



JOHOR, 8 NOVEMBER 2016 - Program NBOS JPA 1PESARA @Zon Selatan anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) telah diadakan dengan penglibatan dan kerjasama strategik pelbagai agensi kerajaan serta sektor swasta di Negeri Johor.

Program NBOS JPA 1PESARA @Zon Selatan ini memfokuskan kepada kumpulan sasar inisiatif 1PESARA yang merangkumi golongan Pesara, Bakal Pesara dan Penjawat Awam peringkat persekutuan dan negeri. YBhg. Dato' Sabariah binti Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), telah merasmikan program tersebut yang turut dihadiri oleh Encik Azizul bin Alias, Pengarah Wilayah, INTAN IKWAS dan Puan Azlina binti Azman, Ketua Unit NBOS JPA.



## LAWATAN AKADEMIK KE JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) PELAJAR PROGRAM SARJANA MUDA PERAKAUNAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



PUTRAJAYA, 3 NOVEMBER 2016 - Pelajar Semester 6 Program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Teknologi Mara (Melaka) Kampus Alor Gajah telah mengadakan lawatan akademik ke JPA di Auditorium Aras 4, JPA, Blok C1, Kompleks C.

Objektif lawatan tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar secara mendalam mengenai skim perkhidmatan kakitangan awam, menambah pengetahuan pelajar berkaitan penglibatan dan sumbangan JPA di dalam penyediaan belanjawan Negara, melatih pelajar dalam pengurusan berorganisasi dan membentuk nilai-nilai murni sebagai generasi yang bakal menerajui pucuk pimpinan di masa hadapan selain menerapkan pemahaman berkaitan Perkhidmatan Awam secara amnya kepada pelajar-pelajar.



## MAJLIS PERASMIAN JPA4U WEEK 2016 @C1



**PUTRAJAYA, 8 NOVEMBER 2016** - JPA4U Week 2016 @C1 telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) di Lobi C1, Blok C1, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kompleks C.

Inisiatif JPA4U adalah salah satu inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diterajui oleh JPA serta merupakan sebahagian daripada 'branding' Program Transformasi Perkhidmatan Awam. JPA4U Week yang diadakan selama 5 hari bermula dari 7 hingga 11 November 2016 ini menawarkan pelbagai aktiviti seperti Siri Taklimat, Pameran serta Kaunter Perkhidmatan Agensi Sektor Awam dan Swasta. Program ini diadakan bertujuan untuk meluaskan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perkhidmatan Awam termasuk JPA serta 28 Agensi-agensi lain yang terlibat kepada semua pihak termasuk Agensi-agensi Kerajaan dan orang Awam.

Antara aktiviti yang ditawarkan pada Minggu tersebut adalah Program Derma Darah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, kaunter Polis Diraja Malaysia bagi tujuan semakan dan pembayaran saman, serta kaunter Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

**'Show respect even to people who don't deserve it; not as a reflection of their character, but as a reflection of yours' - Dave Willis**



## MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM 2016



MELAKA, 14 NOVEMBER 2016 - Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah menganjurkan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2016 yang bertemakan "Inovasi Diperkasa, Komersialisasi Dipersada" pada 14 hingga 15 November 2016 bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka. Penganjuran majlis ini adalah untuk mengiktiraf dan menghargai penjawat awam yang bergiat aktif dalam program kreativiti dan inovasi melalui Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) serta mewujudkan platform bagi perkongsian ilmu, percambahan idea selain menanda aras amalan terbaik dalam sektor awam. Pengisian program pada Majlis tersebut termasuk klinik dana, bicara MyIPO, *business matching*, *Masterclass* oleh tokoh inovasi, wacana intelektual, pameran produk inovasi dan pameran oleh agensi utama termasuk JPA.

YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara telah turut hadir pada hari ke-2 program tersebut sempena Majlis Pengiktirafan Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2016. Beliau pada ucapannya sempena Majlis tersebut telah menyeru supaya penjawat awam untuk menyampaikan perkhidmatan berdasarkan kepada inovasi dan kreativiti kerana ianya bukan lagi satu pilihan pada masa kini, sebaliknya menjadi keperluan. Ini kerana kemampuan dan kapasiti negara dalam berinovasi merupakan pemacu pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara. Cetusan idea yang kreatif mampu untuk meningkatkan daya saing sesebuah organisasi melalui budaya kerja baru yang bertunjangkan teknologi. Ia juga berupaya untuk menjadi *game changer* kepada cara penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Seiring dengan perkembangan teknologi terkini, para penjawat awam juga perlu mengambil peluang untuk melakukan perubahan ke atas cara bekerja dan berinteraksi dengan rakyat untuk memenuhi ekspektasi rakyat yang jauh berbeza daripada masa yang lalu.



# Tahniah

**YBRS. ENCIK TEO KHIAN HOW**  
 Atas Penempatan Sebagai  
**Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan  
 Jabatan Perkhidmatan Awam**  
 berkuat kuasa  
**6 NOVEMBER 2016**



 [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)
 [Jabatan Perkhidmatan Awam](#)
 [@jpa2day](#)
 [Jabatan Perkhidmatan Awam](#)
 [@jpa2day](#)

# Tahniah & Syabas

**YBHG. DATO' WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI AB AZIZ**  
 Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan  
 Atas Pengurniaan  
 Darjah Kebesaran **Setia Mahkota Kelantan Yang Amat  
 Terbilang (D.P.S.K.)**  
 yang membawa gelaran  
**DATO'**




Daripada seluruh warga  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

**IKUTI KAMI**



[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)



Jabatan Perkhidmatan Awam



[@jpa2day](#)



Jabatan Perkhidmatan Awam



[@jpa2day](#)

Blok C1, C2 & C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia. | Telefon : +603 8000 8000  
 Sumbangan Berita : Warga JPA | Penerbitan : Komunikasi Korporat | Percetakan : Unit Dokumentasi JPA

**PENERAJU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM**